



CUKAI.GST
BARANG & PERKHIDMATAN

Apa itu GST ?

GST adalah cukai penggunaan yang dikenakan ke atas aktiviti nilai tambah pada setiap peringkat rangkaian pengedaran semua barang dan perkhidmatan, termasuk yang diimport melainkan yang dikecualikan oleh Kerajaan.

Kadar GST

Kadar GST dicadangkan pada 4% iaitu lebih rendah dari kadar cukai jualan (5% dan 10%) dan cukai perkhidmatan (5%) yang dikenakan pada masa sekarang.

Mengapa GST perlu dilaksanakan?

Pelaksanaan GST merupakan salah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menyusun semula sistem perculaian negara supaya ia lebih berkesan, saksama, efisien dan telus serta dapat mengelakkan berlakunya:-

Cukai terselindung

Kesan: cukai jualan yang dibayar di peringkat pengilangan telah menjadi kos kepada pemborong dan peruncit, maka ianya telah diambilkira di dalam pengiraan margin keuntungan.

Cukai bertindih

Cukai bertindih (*double taxation*) berlaku di dalam dua keadaan iaitu:-

1. Cukai bertindih di bawah sistem yang sama, iaitu samada di bawah cukai jualan atau di bawah cukai perkhidmatan.

Kesan: Pengguna terpaksa membayar harga yang lebih mahal kerana cukai perkhidmatan yang dikenakan merupakan sebahagian daripada kos menyediakan perkhidmatan kepada pengguna.

2. Cukai bertindih di bawah sistem cukai yang berlainan iaitu barang berkaitan dikenakan cukai jualan serta cukai perkhidmatan.

Kesan: Pengguna terpaksa membayar harga yang lebih mahal kerana cukai jualan merupakan sebahagian daripada kos yang akan dimasukkan ke dalam harga jualan dan dikenakan cukai perkhidmatan apabila menyediakan perkhidmatan kepada pengguna.

Apakah barang atau perkhidmatan yang dikenakan GST ?

Semua barang dan perkhidmatan dikenakan pada kadar standard iaitu 4% melainkan barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan cukai iaitu pembekalan berkadar sifar dan pembekalan yang dikecualikan.

Apakah barang-barang yang tidak dikenakan GST?

Hampir semua barang makanan asas rakyat Malaysia seperti beras, minyak masak, sayur-sayuran, ikan, telur, daging, ayam, gula dan tepung tidak dikenakan GST (pembekalan berkadar sifar). Rujuk **Jadual 1**.

Selain daripada itu, barang dan perkhidmatan yang dieksport juga tidak dikenakan GST bagi menjadikan eksport negara lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Apakah perkhidmatan yang tidak dikenakan GST?

Perkhidmatan asas yang digunakan rakyat Malaysia seperti pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan, perkhidmatan kewangan dan tol lebuhraya tidak dikenakan GST (pembekalan yang dikecualikan). Selain itu, terdapat juga perkhidmatan terutamanya yang dieksport tidak dikenakan cukai (pembekalan berkadar sifar). Rujuk **Jadual 2** dan **Jadual 3**.

Apakah peranan yang perlu dimainkan oleh pengguna dalam membendung aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan?

Pengguna juga boleh memainkan peranan di dalam membendung aktiviti pengambilan keuntungan berlebihan ini. Pengguna sepatutnya:-

- membuat perbandingan harga sebelum berbelanja;
- sentiasa merujuk kepada panduan harga pengguna;
- melaporkan apa-apa kenaikan harga yang tidak munasabah kepada pihak yang berwajib atau persatuan pengguna; dan
- berbelanja secara berhemah.

Pandangan bahawa mereka yang tidak membayar cukai penggunaan pada masa sekarang terutamanya golongan miskin perlu membayar cukai penggunaan apabila GST dilaksanakan.

Pada masa sekarang, rakyat tanpa mengira kelas pendapatan sebenarnya telah membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas perbelanjaan harian mereka.

Namun cukai yang dibayar ini terutamanya cukai jualan tidak kelihatan di dalam inbois atau resit kerana ianya terselindung di dalam harga barang.

Sebagai contoh bagi setiap **RM100** yang dibelanjakan oleh golongan miskin, sebanyak **RM2.38** adalah untuk cukai. Tetapi apabila GST dilaksanakan dan dikenakan pada **4%**, beban cukai yang ditanggung akan menurun kepada **RM2.17** sahaja. Ini merupakan penjimatan di dalam perbelanjaan harian mereka.

Adakah GST akan menyebabkan harga barang dan perkhidmatan naik?

Kajian yang dijalankan mendapati Indeks Harga Pengguna (IHP) akan mengalami penurunan sebanyak 0.10%. Berdasarkan kajian tersebut, GST yang dikenakan pada kadar 4% akan dapat mengurangkan harga bagi lapan (8) komponen IHP iaitu:-

- pelbagai barang dan perkhidmatan;
- restoran dan hotel;
- komunikasi;
- pengangkutan;
- hiasan, perkakasan & penyelenggaraan;
- perumahan, air, elektrik, gas & bahan api;
- pakaian dan kasut; dan
- minuman alkohol dan tembakau.

**Jadual 1: Senarai barang yang tidak dikenakan GST
(pembekalan berkadar sifar)**

Kategori	Deskripsi
Barang Makanan (Foodstuff) a. Beras & padi b. Gula c. Tepung d. Minyak masak e. Garam f. Sayuran g. Rempah ratus	<ul style="list-style-type: none">– semua jenis beras dan padi termasuk beras pulut, beras perang dan beras hancur– semua jenis gula kecuali gula kastor dan gula ising– tepung gandum, tepung beras, tepung pulut, tepung attar, tepung ubi dan tepung sagu kecuali tepung jagung dan sepertinya– semua jenis minyak masak kecuali minyak bunga matahari, minyak jagung, minyak bijan, minyak zaitun– garam makan termasuk garam bukit– semua jenis sayuran seperti termasuk kentang, tomato, bawang, bawang putih, timun, lobak, keladi, keledek, ubi kayu, jagung dan dal– termasuk lada hitam, buah pala, kulit kayu manis, halia, asam jawa, serbuk kari

Jadual 1: Senarai barang yang tidak dikenakan GST (sambungan)
(pembekalan berkadar sifar)

Kategori	Deskripsi
Binatang hidup, daging binatang dan organ dalaman binatang	<ul style="list-style-type: none"> – seperti lembu, kerbau, khinzir, kambing, ayam dan itik
Ikan dan isi ikan	<ul style="list-style-type: none"> – semua jenis ikan kecuali ikan hiasan dan ikan untuk umpan – semua jenis isi ikan yang diproses (segar, jeruk atau kering) kecuali sirip yu
Kerang	<ul style="list-style-type: none"> – termasuk udang kara, ketam dan udang
Molluscs	<ul style="list-style-type: none"> – termasuk sotong, siput
Telur burung	<ul style="list-style-type: none"> – ayam dan itik
Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> – anak ayam, anak lembu, anak khinzir and jejeri ikan kecuali benih sayur
Bekalan elektrik	<ul style="list-style-type: none"> – bekalan elektrik kepada pengguna domestic untuk 200 KWH yang pertama
Bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> – bekalan air kepada pengguna domestic 35 meter padu yang pertama kecuali <i>distilled water, de-ionised water, oxygenised water</i> dan air mineral
Barangan yang dibekalkan di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan	<ul style="list-style-type: none"> – barang yang dibekalkan dari pasaran tempatan kepada peserta skim tersebut
Kawasan Yang Ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> – bekalan barang ke Kawasan Yang Ditetapkan (Langkawi, Labuan dan Tioman)
Eksport	<ul style="list-style-type: none"> – semua barang yang dieksport samada melalui, darat, pelabuhan dan lapangan terbang
<i>Deemed export</i>	<ul style="list-style-type: none"> – barang yang dibekalkan dari PCA ke kawasan yang ditentukan termasuk ke kawasan FCZ yang terletak di luar pelabuhan dan lapangan terbang – barang yang dibeli oleh peniaga asing tetapi dibekalkan di dalam negara di bawah skim Skim Pengilang Tol Diluluskan
<i>Ship stores</i>	<ul style="list-style-type: none"> – semua jenis barang untuk tujuan ship stores – semua jenis barang bagi tujuan alat ganti atau perlatan yang digunakan di dalam pelayaran dan penerbangan

**Jadual 2: Senarai perkhidmatan yang tidak dikenakan GST
(pembekalan yang dikecualikan)**

Kategori	Deskripsi
Pengangkutan penumpang (tempatan)	<ul style="list-style-type: none"> – pengangkutan awam secara rel (KTM, LRT, ERL, Monorail) – kapal, bot dan feri – bus ekspress, bas henti-henti, bas pekerja, bas sekolah dan bas <i>feeder</i> – teksi dan kereta sewa - perkhidmatan ambulan
Perkhidmatan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan kesihatan oleh hospital dan klinik swasta
Perkhidmatan pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> – aktiviti pendidikan dan latihan oleh insititusi pendidikan swasta – kantin di sekolah rendah dan menengah
Bekalan tanah dan rumah kediaman	<ul style="list-style-type: none"> – pelupusan atau pemberian tanah oleh Kerajaan Negeri – jual, beli dan sewa rumah kediaman termasuk rumak kos rendah dan sederhana – jual, beli dan sewa/pajak tanah bagi kegunaan pertanian – tanah bagi kegunaan awam seperti untuk bangunan Kerajaan atau tanah kubur
Bekalan emas	<ul style="list-style-type: none"> – Bekalan emas untuk tujuan pelaburan – Bekalan emas tulen dari <i>refiner</i> kepada pembeli pertama untuk tujuan pelaburan
Perkhidmatan kewangan	<p><u>Bank</u></p> <ul style="list-style-type: none"> – pendapatan faedah dari aktiviti pemberian pinjaman, pendahuluan, overdraf dan lain-lain kemudahan kredit – pulangan dari urusniaga pelaburan seperti dividen kasar dan keuntungan dari pelupusan asset kewangan <p><u>Syarikat insuran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> – premium insuran nyawa dan keluarga <p><u>Firma Broker Saham</u></p> <ul style="list-style-type: none"> – penjualan semula ‘share buy back programme’

**Jadual 3: Senarai perkhidmatan yang tidak dikenakan GST
(pembekalan berkadar sifar)**

Kategori	Deskripsi
Eksport	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia – perkhidmatan yang dibekalkan secara langsung yang berkaitan dengan tanah atau apa-apa pembaikan yang terletak diluar Malaysia – perkhidmatan yang dibekalkan secara langsung berkaitan dengan barang yang dieksport – perkhidmatan yang dibekalkan secara langsung berkaitan dengan barang yang dimiliki oleh orang di luar Malaysia – perkhidmatan pembaikan yang dijalankan di kawasan FCZ
Pengangkutan antarabangsa dan <i>ancillary services</i>	<ul style="list-style-type: none"> – pengangkutan penumpang dengan menggunakan kapal atau kapal terbang (ke luar atau ke dalam negara termasuk peringkat domestik) – pengangkutan barang dengan menggunakan kapal atau kapal terbang (ke luar atau ke dalam negara termasuk peringkat domestik) – <i>ancillary services</i> (termasuk punggah masuk, punggah keluar, insuran, dan <i>freight forwarding</i>)
Kawasan Ditetapkan	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan dibekalkan ke Kawasan Ditetapkan
Perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan yang disediakan di pelabuhan dan lapangan terbang seperti <i>pilotage</i>, <i>towage</i>, <i>surveying classification</i>, pembaikan dan penyelanggaraan kapal, broking dan perkhidmatan pengurusan
Telekomunikasi	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan di Malaysia kepada kawasan di luar Malaysia – perkhidmatan roaming antarabangsa
Agen Skim Bayar Balik Pelancong	<ul style="list-style-type: none"> – perkhidmatan yang disediakan oleh agen Skim Bayar Balik Pelancong
Perkhidmatan yang disediakan oleh kelab, persatuan, kesatuan, persatuan profesional kepada ahli mereka	<ul style="list-style-type: none"> – kemudahan yang dibekalkan oleh kelab, persatuan, kesatuan, persatuan profesional kepada ahli mereka

* Sumber: Kementerian Kewangan (MOF) dan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM)



1 2 3 4 5 6 7 8 9 0

CUKAI. GST

BARANG & PERKHIDMATAN



DISEDIAKAN OLEH:

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**